



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 2 TAHUN 2018**

---

**PELAKSANAAN KURSUS AUDIT PELAJAR  
SARJANA MUDA PENDIDIKAN,  
SARJANA MUDA DAN DIPLOMA UPSI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
30 Januari 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

30 JANUARI 2018

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2018**

**PELAKSANAAN KURSUS AUDIT  
PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN,  
SARJANA MUDA DAN DIPLOMA UPSI**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pelaksanaan Kursus Audit bagi Pelajar Ijazah Sarjana Muda atas kelulusan Senat Kali Ke-159 Bilangan 10/2017 yang bersidang pada 17 Oktober 2017.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017 bertarikh 17 Oktober 2017 telah meluluskan Pindaan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017.

2.2 Bahagian Hal Ehwal Akademik telah mengeluarkan Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 6 Tahun 2017 bagi menghebahkan pindaan ini.

**3.0 MAKLUMAT PELAKSANAAN**

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju dengan klausa berkaitan Kursus Audit seperti berikut:

## Perkara 2: Tafsiran

“Kursus Audit”, ertinya kursus tambahan di luar struktur kurikulum program pengajian yang diambil oleh pelajar bagi pengayaan ilmu. Pelajar yang mendaftar Kursus Audit perlu mengikuti kursus serta mengambil penilaian bagi kursus berkenaan. Penilaian untuk Kursus Audit termasuk ujian, kuiz, tugas, projek dan peperiksaan sama ada secara bertulis, lisan, pemerhatian atau pun amali tetapi tidak termasuk peperiksaan akhir.

## Perkara 3.3.5 : Daftar Kursus

Pelajar yang memilih untuk mendaftar Kursus Audit, wajib membuat pengesahan tentang status kursus tersebut. Kursus Audit tidak boleh ditukarkan kepada Kursus Pengayaan Diri.

Jam kredit Kursus Audit tidak diambil kira dalam pengiraan jumlah jam kredit dan pengiraan PNGS/PNGK. Hanya diberi catatan Gred U sahaja.

## Perkara 13 : Penilaian Tanpa Gred

U (Audit): gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan memenuhi syarat audit. Maklumat kursus tidak akan dicatatkan dalam transkrip bagi pelajar yang tidak memenuhi keperluan kursus.

- 3.1 Pindaan yang diluluskan oleh Senat itu akan berkuatkuasa mulai **Semester 2 Sesi 2017/2018**.


## 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 30 Januari 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

